

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 30 JANUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 40

**PADU: Orang ramai pilih isi secara fizikal**

# PADU: Orang ramai pilih isi secara fizikal

---

**PETALING JAYA:** Orang ramai lebih memilih untuk mendaftar dalam Pangkalan Data Utama (PADU) secara fizikal berbanding dalam talian yang dibuka sejak pelancarannya, 2 Januari lalu.

Rata-rata mereka yang ditemui *Utusan Malaysia* mempunyai masalah peranti masing-masing yang tidak menyokong sistem pendaftaran PADU.

Pekerja swasta, Nur Suhana Kamaruzaman berkata, dia memilih untuk mendaftar PADU secara fizikal kerana tidak mendapat perakuan - disebabkan

peranti digunakan tidak menyokong sistem berikut.

“Mungkin kerana peranti yang saya gunakan tidak dikemas kini untuk membuka sistem tersebut dan lebih memilih mendaftar PADU di Pusat Ekonomi Digital (PEDi) sekitar rumahnya.

“Mengemas kini secara dalam talian sebenarnya lebih mudah kerana dapat dibuat pada bila-bila masa, namun mungkin terdapat masalah ketika membuat pengesahan kerana muka dan gambar pada kad pengenalan tidak sepadan,” katanya.